



كِتَابُ الْغَيْضِ

وَقَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى وَدَسَّوْا نَكَ عَنْ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ
وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
يُحِبُّ الْمُتَوَّيِّينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Kitab Haidh²²³ Dan Firman Allah S.w.t.

Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang (hukum) haidh. katakanlah: "Darah haidh itu adalah suatu kotoran. oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan mereka) di waktu haidh itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang suka bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri."²²⁴ [al-Baqarah:222]

²²³ Kesesuaian Kitab Haidh ini dengan Kitab al-Ghushl (Kitab Mandi Janabah) sebelumnya terletak pada beberapa perkara. Pertama: Kedua-duanya sama-sama memperkatakan tentang hadats besar. Kedua: Mandi diwajibkan untuk mengangkat hadats janabah dan haidh serta nifas. Ketiga: Mandi janabah melibatkan kedua-dua jantina lelaki dan perempuan kerana itulah ia didahulukan, sementara haidh, nifas dan mandi untuk bersuci daripadanya pula hanyalah melibatkan wanita. Kerana itulah perbincangan tentangnya dikemudiankan. Keempat: Kedua-dua bab ini bersangkut-paut dengan persoalan kesucian dan kekotoran berlandaskan konsep Islam.

Imam Bukhari r.a. mengemukakan tajuk besar di sini dengan judul Kitab Haidh, padahal di bawahnya terdapat juga beberapa bab tentang istihadhah dan nifas. Ini dilakukan beliau kerana dua sebab. Pertama: Kerana tajuk ini lebih banyak menyentuh persoalan haidh berbanding istihadhah dan nifas. Kedua: Kerana istihadhah dan nifas itu walaupun mempunyai pertalian yang rapat dengan haidh, baik daripada segi tempat keluarnya, rupanya dan lain-lain atau daripada segi hukum-hakam agamanya, namun kedua-duanya tidak lebih daripada cabang atau ekor kepada haidh. Yang merupakan pokok kepada semuanya ialah haidh itu sendiri.

²²⁴ Imam Bukhari r.a. memulakan Kitab Haidh dengan firman Allah ini untuk menyatakan beberapa maksudnya. Pertama: Ayat ini merupakan yang paling lengkap berhubung dengan persoalan haidh. Kedua: Ia mengisyratkan kepada permulaan hukum haidh yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Ketiga: Secara tidak langsung ia mengisyratkan kepada permulaan perbincangan bab-bab dibawahnya. Keempat: Segala perbincangan yang akan disentuh beliau nanti sebenarnya berasaskan ayat ini. Kelima: Bab-bab yang akan dikemukakan nanti sesungguhnya merupakan sama ada tafsiran, tafsilan, takhsis, pengecualian dan lain-lain terhadap apa yang telah tersebut di dalam ayat ini semata-mata. Keenam: Menyatakan rujukan utama dan yang pertama kepada orang-orang Islam dalam apa perkara

١ - بَابُ كَيْفَ كَانَ بَدْءُ الْحَيْضِ وَقَوْلُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا شَيْءٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى
 بَنَاتِ آدَمَ وَقَالَ بَعْضُهُمْ كَانَ أَوَّلُ مَا أُرْسِلَ الْحَيْضُ عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ
 وَحَدِيثُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْثَرُ

1 - Bab: Bagaimana permulaan haidh²²⁵ dan sabda Nabi s.a.w.:
"Ini adalah sesuatu yang di tentukan oleh Allah kepada anak-
anak perempuan Adam".²²⁶ Sebahagian `ulama' mengatakan
bahawa mula-mula sekali haidh itu diberikan kepada Bani
Israil.²²⁷

Abu `Abdillah (Imam Bukhari) berkata: "Hadits Nabi s.a.w.
lebih banyak (rangkumannya)."²²⁸

sekalipun ialah al-Qur'an al-Karim. Ketujuh: Mendapat keberkatan daripada al-Qur'an selain mendapat pengajaran, bimbingan dan hukum-hakam daripadanya.

²²⁵ Ini adalah bab ketiga di mana Bukhari r.a. memulakannya dengan perkataan 'kaifa kaana' atau 'kaifa' sahaja. Sebenarnya Imam Bukhari r.a. telah menggunakan perkataan ini di dalam tajuk-tajuk bab Kitab Sahihnya sebanyak 30 kali. 20 kali di dalam jilid pertama dan 10 kali di dalam jilid kedua (cetakan India dan Pakistan). Pada kebiasaannya dengan berbuat begitu beliau bermaksud menyatakan salah satu daripada dua perkara berikut atau kedua-duanya sekali. Pertama: Asal usul, sejarah dan perihal bagi sesuatu yang disebutkan di dalam tajuk-tajuk tertentu. Kedua: Terdapatnya perbezaan pendapat di kalangan `ulama' atau perbezaan riwayat tentang sesuatu perkara yang dibincangkan. Oleh kerana dalam perkara ini terdapat perbezaan riwayat dan pendapat di samping beliau juga bermaksud menyatakan asal usul, sejarah dan perihal haidh itu, maka Imam Bukhari r.a. mengemukakan bab ini dengan katanya 'kaifa kaana'.

²²⁶ Imam Bukhari r.a. sendiri di dalam bab-7 hadits no.294 nanti akan mengemukakan sabda Nabi s.a.w. ini dengan sanad yang lengkap. Di dalam hadits no.285 di bawah bab-1 ini juga terdapat sabda Nabi s.a.w. itu tetapi dengan sedikit perbezaan pada lafaznya.

²²⁷ Pendapat ini sebenarnya bersandarkan kepada atsar Ibnu Mas'ud r.a. dan `Aaisyah r.a. yang dikemukakan oleh `Abdur Razzaq di dalam Mushannafnya.

²²⁸ Terdapat dua versi berhubung dengan perkataan yang terakhir di dalam kata-kata Bukhari ini. Pertama: أَكْثَرُ (lebih banyak) seperti tersebut di atas. Kedua: أَكْبَرُ (lebih besar). Dengan berkata begini Imam Bukhari r.a. sebenarnya mahu menyatakan pendirian beliau dalam perkara ini iaitu beliau mentarjihkan hadits-hadits Nabi s.a.w. daripada pendapat-pendapat yang lain. Ini kerana hadits-hadits Nabi s.a.w. dalam perkara ini lebih banyak (jika dipakai perkataan أَكْثَرُ). Maksud beliau dengan kata lebih banyak itu, boleh jadi dari segi jumlahnya. Boleh jadi dari segi rangkuman maksudnya, sebab ia merangkumi semua kaum wanita, bermula daripada Hawwa' sampai ke sekalian anak cucunya. Haidh itu tidak khusus dengan orang-orang perempuan dari kalangan Bani Israil sahaja, malah ia merangkumi sekalian kaum wanita. Boleh jadi juga ia bererti lebih banyak dari segi nilai dan kekuatannya, kerana ia berdasarkan hadits-hadits yang sahih dan disebutkan oleh Baginda s.a.w. sendiri. Jika dipakai versi kedua pula, maka ia bermakna lebih besar artinya kepada kita atau lebih besar kedudukan, kekuatan dan kebenarannya berbanding kata-kata orang lain. Justeru amatlah nyata bahawa haidh itu bukan khusus dengan orang-orang perempuan dari kalangan Bani Israil sahaja. Kata-kata `Aaisyah r.a. dan Ibnu Mas'ud r.a. bahawa mula-mula sekali haidh itu diberikan kepada Bani Israil, tidak bermaksud menafikan apa yang telah diutarakan oleh Nabi s.a.w. di dalam hadits-haditsnya yang sahih. Tetapi ia mempunyai maksud yang lain iaitu haidh yang mula-mula diberikan sebagai `azab atau penghinaan kepada kaum wanita atau dalam bentuk yang lebih teruk ialah kepada orang-orang perempuan dari kalangan Bani Israil kerana kederhakaan mereka.

٢٨٥ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ الْقَاسِمِ قَالَ سَمِعْتُ الْقَاسِمَ بْنَ مُحَمَّدٍ يَقُولُ سَمِعْتُ عَائِشَةَ تَقُولُ خَرَجْنَا لَا نَرَى إِلَّا الْحَجَّ فَلَمَّا كُنَّا بِسَرِفٍ حِضْتُ فَدَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا أَبْكِي قَالَ مَا لَكَ أَنْفِستِ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ إِنَّ هَذَا أَمْرٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ فَاقْضِي مَا يَقْضِي الْحَاجُّ غَيْرَ أَنْ لَا تَطُوفِي بِالْبَيْتِ قَالَتْ وَضَحَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ نِسَائِهِ بِالْبَقَرِ

285 - `Ali bin Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman meriwayatkan kepada kami, katanya: saya mendengar Abdul Rahman bin al-Qasim, katanya: saya mendengar al-Qasim bin Muhammad berkata: saya mendengar `Aaisyah r.a. berkata: "Kami keluar tanpa memikirkan kecuali untuk mengerjakan haji. Apabila kami berada di Sarif,²²⁹ aku kedatangan haidh. Rasulullah s.a.w. masuk menemuiku ketika aku sedang menangis. Baginda bertanya: Kenapa dengan kamu, adakah engkau telah kedatangan haidh?". Aku menjawab: "Ya". Nabi s.a.w. bersabda: "Ini adalah suatu perkara yang telah ditentukan oleh Allah kepada anak-anak perempuan Adam (anak-anak cucu Adam yang perempuan).²³⁰ Tunaikan (lakukan) seperti mana orang-orang haji tunaikan, cuma engkau jangan berthawaf di Baitillah".²³¹ Kata `Aaisyah r.a. : "Rasulullah s.a.w. telah mengorbankan lembu bagi pihak isteri-isterinya."²³²

٢ - بَابُ غَسْلِ الْحَائِضِ رَأْسَ زَوْجِهَا وَتَرْجِيلِهِ

2 - Bab: Perempuan Berhaidh (Boleh) Membasuh Kepala Suaminya Dan Menyikat Rambutnya.²³³

²²⁹ Nama satu tempat yang terletak kira-kira enam atau tujuh batu dari Mekah.

²³⁰ Termasuk juga Hawwa' sendiri, malah dialah yang mula-mula sekali berhaidh dari kalangan wanita berdasarkan hadits sahih yang dikemukakan oleh Hakim dan Ibnu al-Munzir daripada Ibnu `Abbaas bahawa: "Mula-mula sekali haidh itu dialami oleh Hawwa' setelah dia diturunkan dari syurga." Bukankah anak-anak cucu Adam yang perempuan itu anak-anak cucu Hawwa' juga?!

²³¹ Segala perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang yang mengerjakan haji boleh dilakukan olehmu seperti wuquf di `Arafah, pergi ke Muzdalifah, melontar dan lain-lain. Cuma engkau tidak boleh berthawaf di Baitillah kerana ia dikira seperti bersembahyang juga yang memerlukan kesucian diri.

²³² Oleh kerana para isteri Nabi s.a.w. telah bertamattu' dan mereka membuka ihram sebelum mengerjakan haji, maka Rasulullah s.a.w. telah menyembelih lembu sebagai pembayaran dam bagi pihak mereka.

²³³ Di permulaan Kitab haidh ini Imam Bukhari r.a. telah mengemukakan satu ayat al-Qur'an. Di dalamnya terdapat firman Allah yang bermaksud: "hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan di waktu haidh." Di dalamnya juga terdapat firman Allah yang bermaksud: "dan janganlah kamu hampiri mereka sebelum mereka suci." Dengan mengadakan bab ini dan beberapa bab selepasnya Imam Bukhari r.a. mahu menjelaskan maksud perintah Allah supaya menjauhkan diri dari perempuan di waktu haidh dan juga larangannya supaya tidak menghampiri perempuan-perempuan berhaidh